

Available online at <http://ijhtc.ump.edu.my/>
International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)
Copyright © Penerbit Universiti Malaysia Pahang
ISSN: 2289-7216;
IJHTC 1 (2) (2016) : 106-115

Pengaruh Serta Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Personaliti Dan Keperibadian Syed Qutb: Analisis Autobiografi “Kisah Seorang Anak Kampung”

^a Mardhiyyah Zamani
^b Nurazan Mohmad Rouyan

^a Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuh raya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang, MALAYSIA.

^b Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

Article Information

Received 24 March 2016
Received in revised form
21 June 2016
Accepted 24 June 2016

Abstrak

Peranan ibu bapa dalam pembentukan personaliti serta keperibadian anak-anak tidak dapat dinafikan lagi terutamanya di fasa awal kehidupan mereka. Menurut pepatah Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”, kecemerlangan seorang anak, samada dari sudut kejayaan akademik mahupun memiliki budi pekerti tinggi kebiasaannya terletak di tangan kedua ibu bapa yang memainkan peranan penting mencoraknya. Seringkali terjadi, apabila timbul sebarang masalah atau kepincangan akhlak dalam kalangan remaja, pasti ibu bapalah yang pertama dituding serta dipertanggungjawabkan. Justeru, kajian ini bertujuan menyingkap pengaruh dan peranan ibu bapa terhadap anak-anak di fasa awal perkembangan mereka, iaitu di usia kanak-kanak berdasarkan pengalaman Syed Qutb melalui analisis terhadap autobiografinya “Kisah Seorang Anak Kampung”. Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Dapatan kajian membuktikan bahawa ibu bapa sangat berpengaruh dalam membina personaliti, keperibadian serta ketokohan seseorang anak, dan ia berlaku dalam dua bentuk: memberi gambaran atau persepsi yang positif kepada anak dan memainkan peranan penting sebagai ibu bapa. Kajian ini memfokuskan beberapa peranan penting yang telah dimainkan oleh kedua ibu bapa Syed Qutb dalam melahirkan tokoh yang terkenal ini. Tidak dapat dinafikan lagi, persepsi positif serta peranan penting sebagai ibu bapa merupakan faktor utama dalam menjamin kejayaan anak-anak.

Kata kunci: Peranan ibu bapa, pembentukan peribadi, personaliti, kejayaan, Syed Qutb

PENDAHULUAN

Pembentukan personaliti dan keperibadian seseorang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Menurut Azizi, (2008) antara faktor yang mempengaruhi personaliti seseorang ialah baka, bentuk tubuh badan, keadaan fizikal, kecerdasan, emosi, pengalaman awal kanak-kanak, pengaruh keluarga, pengaruh kebudayaan, pengaruh kawan, pengaruh sekolah dan pengaruh sosio budaya keatas kanak-kanak. Kajian menunjukkan bahawa tindak balas, sikap dan emosi ibu di dalam keseluruhan konteks kebudayaan di dalam persekitaran kanak-kanak dan faktor-faktor lain di dalam pengalaman kanak-kanak penting dalam menentukan pola-pola personalitinya. (Yahaya, 2008). Kajian ini cuba menyingkap pengaruh peranan ibu bapa terhadap pembentukan personaliti dan keperibadian seorang tokoh terkenal abad ke20, iaitu Syed Qutb.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang memberi pelbagai definisi tentang personaliti. Personaliti ialah salah satu faktor yang mempunyai kaitan dengan keunikan manusia (Funder, 2001). Menurut Izzah Nur Aida & Salasiah, (2015), personaliti berasal daripada Bahasa Latin iaitu *persona* atau *personalitas* yang bermaksud topeng. Dalam Bahasa Inggeris personaliti merujuk kepada '*the qualities and features of a person, the qualities of having a strong, interesting and active character, also a famous person*' (Oxford Wordpower, 2005). Funder (2001: 2) mendefinisikan personaliti sebagai ciri pola pemikiran, emosi, tingkah laku individu, disertai dengan mekanisme psikologi, samada tersembunyi atau tidak personaliti sememangnya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan setiap individu. Hasil kajian (Habibah & Noran Fauziah, 2006) merumuskan konsep personaliti yang lebih menyeluruh telah dinyatakan (Warren & Howard Crosby, 1922) iaitu organisasi dinamik dalam diri yang terdiri daripada sistem psikologikal dan fizikal yang menentukan penyesuaian kepada persekitarannya. Manakala istilah personaliti dalam konteks Islam dan Bahasa Arab pula membawa maksud sahsiah atau akhlak (Abdul Rauf et. Al, 2005; Shahabuddin dan Rohizani, 2007; Habibah dan Noran Fauziah, 2006) atau keperibadian dan perwatakan Kamus Dewan edisi ketiga (2002). Kajian Izzah Nur Aida & Salasiah, 2015 memetik pandangan Uthman Najati (1985) dalam buku *al-Quran wa 'ilm al-Nafs* menjelaskan personaliti atau sahsiah bermaksud susunan dinamik dalam diri individu manusia yang menentukan watak tersendiri sewaktu menyesuaikan diri dengan persekitaran. Ia bertindak melibatkan jasmani dan rohani sehingga dapat menentukan keperibadiannya yang berbeza daripada orang lain. Selain itu, personaliti dipupuk dengan keimanan dan ketaqwaan. Terdapat faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi personaliti seseorang. Antara faktor luaran ialah kejayaan yang diperolehi, semangat, pujian dan sebagainya. Persekitaran serta peranan ibu bapa turut mempengaruhi pembentukan personaliti seseorang individu. Manakala, faktor dalaman pula ialah perasaan cinta kepada Allah, bertaqwa, sabar dan segala sifat yang baik. Hasil daripada gabungan keduanya dapat menghasilkan seorang Muslim berpersonaliti mengikut al-Quran dan mampu menghadapi dugaan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Syed Qutb merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang kesusasteraan Arab Moden serta sejarah pemikiran gerakan Islam pada abad ke20. Beliau telah meninggalkan banyak karya masyhur sama ada dalam bidang kesusasteraan Arab mahupun pemikiran gerakan Islam, malah beliau merupakan salah seorang pelopor dan pengasas Sastera Islam (Adab Islami) yang merupakan salah

satu cabang penting kesusasteraan Arab Moden. Dalam penulisan, beliau telah menyumbang tidak kurang daripada 25 buku mengenai Islam dan Sastera Arab Moden.

Keterlibatan beliau dalam pemikiran gerakan Islam pula bermula apabila beliau menyertai gerakan Islam Ikhwanul Muslimin pada tahun 1946 yang mencetuskan kontroversi antara penyokong serta musuh beliau. Bermula detik itu, beliau telah terlibat secara aktif dan menumpukan seluruh pemikiran serta kehidupan beliau untuk dakwah Islam bersama Ikhwanul Muslimin. Perjuangan beliau bersama rakan-rakannya telah membawa beliau keluar masuk penjara di antara tahun 1954 sehingga tahun 1966, dan akhirnya membawa kepada kesyahidan beliau di tali gantung pada 19 Ogos 1966. Ketegasan beliau serta sikap berpegang teguh dengan prinsip jelas terpamer dalam kehidupan Syed Qutb yang akhirnya membawa ramai pemuda mengagumi beliau serta dakwah gerakan Ikhwanul Muslimin. Personaliti menarik dan keperibadian mulia yang dimiliki tokoh ini pernah diungkapkan oleh Abdullah Azzam: “Syed merupakan seorang yang berkulit coklat, berambut keriting, tidaklah gempal mahupun kurus. Saya lebih cenderung mengatakan beliau seorang yang rendah dan tidaklah terlalu tinggi. Beliau memiliki jiwa yang halus, sensitiviti dan kepekaan yang tinggi, sifat tawadhu’ yang tinggi, keberanian, mudah mengerti dan faham, lidah yang berterus-terang dalam menyatakan kebenaran, sangat mencintai ilmu dan amat ringan tulang untuk menghulurkan bantuan kepada orang lain” (Azzam, 1891)

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti gambaran atau persepsi anak terhadap ibu bapa melalui penulisan autobiografi Syed Qutb.
2. Mengkaji pengaruh peranan ibu bapa terhadap pembentukan personaliti dan keperibadian Syed Qutb.

PERMASALAHAN KAJIAN

Ramai yang mengenali Syed Qutb sama ada sebagai salah seorang tokoh sasterawan Arab Moden yang telah memperkenalkan Sastera Islam sebagai salah satu cabang penting dalam Sastera Arab Moden mahupun sebagai salah seorang tokoh gerakan Islam Ikhwanul Muslimin yang tegar berpegang dengan prinsip sehingga mengheret beliau ke tali gantung. Peribadi yang berjaja besar ini tampil dengan personaliti dan keperibadian murni yang mengagumkan ramai pihak. Personaliti serta keperibadian murni yang terdapat pada tokoh ini sudah tentu bermula dari pengaruh didikan serta peranan ibu bapa beliau seawal usia kanak-kanak. Menurut Zakiyah dan Ismail (2004) ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Nilai dan norma dalam masyarakat biasanya dipupuk oleh ibu bapa semasa proses sosialisasi sejak anak-anak masih kecil. Kajian yang dijalankan oleh mereka menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Nilai-nilai yang baik seperti menghormati dan menyayangi ibu bapa, kemesraan dan kasih sayang antara satu sama lain serta mematuhi arahan dan nasihat ibu bapa adalah amalan yang sepatutnya ditanam ke dalam diri anak-anak sejak dari kecil: (Zakiyah Jamaluddin, Ismail Kaprawi, 2004).

Artikel ini cuba menentengahkan pengaruh peranan ibu bapa Syed Qutb terhadap personaliti serta keperibadian beliau melalui penulisan autobiografi yang menyorot pengalaman zaman kanak-kanak beliau melalui “Kisah Seorang Anak Kampung”.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah gambaran ibu bapa melalui kaca mata seorang kanak-kanak berdasarkan penulisan autobiografi Syed Qutb?
2. Apakah peranan yang dimainkan oleh ibu bapa Syed Qutb yang akhirnya mempengaruhi personaliti serta keperibadian beliau?

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan hasil sebuah kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Penulis mengkaji peranan ibu bapa Syed Qutb melalui penulisan dan karya beliau. Karya utama yang dirujuk untuk kajian ini ialah autobiografi beliau yang berjudul “Kisah Seorang Anak Kampung” yang ditulis pada tahun 1948 dengan nilai sastera yang tinggi. Buku ini mengisahkan kehidupan zaman kanak-kanak Syed Qutb di salah sebuah perkampungan di Mesir.

Selain itu penulis turut memuatkan beberapa pandangan penulis lain berkaitan biografi Syed Qutb.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Autobiografi Syed Qutb berjudul “Kisah Seorang Anak Kampung” menggambarkan pengalaman penulis di zaman kanak-kanaknya di salah sebuah kampung bernama Mousha di pedalaman Mesir, di sebuah daerah bernama Asyout. Kisah yang dikongsikan dari kaca mata seorang kanak-kanak menggambarkan suasana di sebuah perkampungan dari cara hidup masyarakat yang *simple*, namun dilingkari pemikiran yang jahil dan kepercayaan tertentu dalam sesetengah perkara, gambaran suka duka serta adat serta kebiasaan sosial dan kemasyarakatan dalam kehidupan seharian mereka. Suatu yang menarik perhatian dan ingin difokuskan dalam artikel ini ialah peranan kedua ibu bapa penulis yang dikongsikan melalui sorotan pengalaman beliau yang akhirnya membentuk personaliti serta keperibadian beliau yang terserlah ketika beliau meningkat dewasa. Beliau terkenal sebagai seorang tokoh dan pelopor dalam bidang kesusasteraan dan gerakan Islam.

I. Gambaran Ibu bapa dalam autobiografi “Kisah Seorang Anak Kampung”

Autobiografi “Kisah Seorang Anak Kampung” merupakan catatan kehidupan beliau ketika berusia enam tahun sehinggalah beliau meninggalkan kampungnya untuk meneruskan pelajaran di Kaherah. Ia merakamkan pelbagai peristiwa suka duka dari pandangan seorang kanak-kanak kecil terhadap kehidupan di salah sebuah perkampungan di Mesir. Jelas dari catatan yang dinukilkan, perasaan kasih, sayang dan hormat beliau pada kedua ibu bapa menerusi peristiwa-peristiwa yang digambarkan. Syed Qutb menggambarkan ayahnya sebagai seorang yang berwibawa, pemurah serta berpandangan jauh, juga sangat mengambil berat pendidikan anak-anak terutamanya pendidikan Al-Quran dan pendidikan agama. Ibunya pula digambarkan sebagai seorang yang penyayang, mempunyai aqidah yang bersih dari khurafat dan kepercayaan karut, sering dirujuk oleh beliau dalam sebarang

masalah, dan bertanggungjawab menanam impian dan cita-cita besar dalam jiwa beliau semenjak dari kecil lagi.

II. Gambaran Ibu dalam autobiografi “Kisah Seorang Anak Kampung”

Secara umumnya, Syed Qutb memberi gambaran positif tentang ibunya dalam autobiografi beliau, ibu beliau digambarkan sebagai seorang yang berpegang kuat dengan agama, berasal dari keluarga yang baik, sangat mengambil berat akan pendidikan, menanam sifat cintakan ilmu pada diri beliau; merupakan insan pertama yang dirujuk dalam sebarang permasalahan, seorang pendorong setia serta bertanggungjawab menanam sifat yakin diri serta meletakkan harapan dan impian agar beliau berjaya serta mengubah nasib keluarga apabila dewasa kelak. Menurut penulis blog (Hasrizal, 2013) “ibu beliau memiliki kesempurnaan sifat sebagai seorang wanita yang solehah dan berjiwa kental. Beliau seorang yang pemurah dan banyak bersedekah. Beliau gemar memasak makanan untuk pekerja-pekerjanya di ladang serta tetamu-tetamu yang datang mengaji di rumah beliau. Ibu Syed Qutb tidak pernah menganggap semua ini sebagai bebanan kerana beliau menjadikan amalan ini sebagai usahanya mendekatkan diri kepada Allah SWT”.

Nama ibu beliau ialah Fatimah Hussain ‘Uthman yang merupakan seorang wanita yang kuat beribadat dan amat patuh kepada Islam. Kecintaannya terhadap al-Quran amat tinggi sehinggakan beliau mahu anak-anak lelakinya menghafal al-Quran dan Syed Qutb telah menggambarkan kecintaan terhadap ibunya di dalam bukunya *Al-Taswir al-Fanni fi al-Qur’an*. Dalam satu penulisan, beliau mengungkapkan harapan ibu beliau:

“Ibu, dikau telah menggambarkan pada diriku bahawa aku adalah insan yang unik dan istimewa semenjak aku masih kecil lagi, dan engkau membisikkan padaku mengenai harapanmu yang menjadi inspirasiku dan inspirasimu, sehingga ia terserap di benak fikiranku bahawa sesungguhnya aku seorang yang hebat, dan aku bertanggungjawab memikul tanggungjawab agung yang lahir dari impian dan harapanmu”

(Syed Qutb, hayatuhu wa adabuhu, 1940).

III. Gambaran Bapa dalam autobiografi “Kisah Seorang Anak Kampung”

Syed Qutb melalui penulisan autobiografi memandang tinggi kedua ibu bapa beliau, sayang serta menaruh kepercayaan kepada keduanya. Beliau telah menggambarkan bapanya dengan sifat-sifat yang mulia seperti seorang yang dermawan, mengambil berat pendidikan anak-anak, matang serta berpandangan jauh dalam mengambil sesuatu keputusan. Malah Muhammad Taufiq Barakat dalam bukunya berjudul “*Syed Qutb: Khulasah Hayatih, Manhajuhu fil Harakah, An-Naqd Almuwajjah Ilaihi*” pernah menyebut berkenaan sifat dermawan ayahnya:

“Ayah beliau merupakan seorang yang agak senang hidupnya, sangat pemurah dan dermawan, kehidupannya bergantung kepada tanah luas yang dimilikinya, beliau mempunyai pekerja-pekerja yang mengusahakan ladangnya yang luas, namun begitu perbelanjaannya tidak bersesuaian dengan hasil ladang yang dituainya, sehingga akhirnya beliau terpaksa menjual sedikit demi sedikit tanah yang dimilikinya untuk melunaskan bebanan hutang yang banyak kerana sifatnya yang banyak menginfak serta membelanjakan hartanya”. (Barakat, p. 9)

Dalam autobiografi beliau, Syed Qutb merakamkan satu peristiwa yang berlaku di alam persekolahannya:

“Ketika itu tersebar berita di sekolah beliau berkenaan pemindahan seorang syeikh yang alim perihal Al-Quran dari sekolah tersebut kerana tempatnya akan digantikan oleh seorang guru agama yang lain. Berita ini membimbangkan serta menggugat ramai ibu bapa sehingga menyebabkan ramai rakan-rakannya berpindah dari sekolah tersebut ke kuttab (sistem pembelajaran mengikut sukatan Al- Azhar). Keadaan itu berterusan sehinggalah datang seorang rakan ayahnya menyampaikan berita tersebut yang memberi gambaran dan amaran tentang suasana yang berlaku dengan harapan agar ayah Syed Qutb turut memindahkan beliau dari sekolah tersebut. Namun Syed Qutb dalam ungunya berkeyakinan bahawa ayahnya berwawasan dan jauh lebih matang dalam membuat sebarang pertimbangan kerana beliau merupakan seorang pembaca setia akhbar, juga terlibat sebagai salah seorang komiti akhbar harian serta merupakan salah seorang anggota ‘elhiẓh elvatany’ atau Parti Nasional di kampungnya, namun ayahnya segan dan tidak mahu melukakan hati rakannya”.

(Qutb, 1945)

Catatan Syed Qutb ini jelas membuktikan persepsi positif seorang anak terhadap ayahnya, apabila beliau memandang tinggi terhadap ayahnya sebagai seorang yang berwawasan serta bijak dan matang dalam membuat sesuatu keputusan. Persepsi positif inilah yang akan membina kepercayaan dan keyakinan seorang anak terhadap kewibawaan ayahnya.

IV. Peranan Ibu bapa dalam memberi penekanan terhadap pendidikan agama semenjak kecil

Syed Qutb melalui penulisannya menggambarkan bahawa beliau dan adik-beradiknya telah ditekankan dengan didikan Islam semenjak kecil lagi. Dalam sebuah artikel dalam majalah Ar- Risalah dipetik:

“Zaman kanak-kanak Syed Qutb lebih istimewa berbanding kanak-kanak seusianya kerana yang pertamanya ialah beliau sentiasa mendampingi Al-Quran, menghayati serta membayangkan ayat-ayatnya yang suci dalam fikirannya, beliau telah berjaya menghafalnya seawal usia 10 tahun, beliau menceritakan tentang keadaan tersebut: “Saya membaca Quran ketika usia saya masih muda, dan kematangan saya masih belum menjejaki ufuk maknanya yang mendalam, namun saya dapati sesuatu pada diri saya, khayalan saya yang mudah ini telah membayangkan beberapa gambaran melalui ungkapan-ungkapan Al-Quran, sekalipun ia cuma gambaran yang ringkas dan mudah, namun ia menimbulkan kerinduan pada diri saya...antara gambaran yang terbayang dalam khayalan saya setiap kali saya membaca ayat berikut: “Dan di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu, dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesusahan, berbaliklah ia semula (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu), rugilah ia di dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata. Khayalan yang bermain di fikiran saya, ialah gambaran seorang lelaki yang berdiri di pinggir tempat yang tinggi (ketika saya berada di kampung, saya melihat bukit di sebelah lembah), lelaki tersebut berdiri untuk berdoa, tetapi dia tidak berada di kedudukan yang kukuh dan selamat, lalu terjatuh dan saya mengikuti pergerakannya dengan sifat ingin tahu dan kasihan”. Antara keistimewanya yang lain juga ialah cintanya yang mendalam terhadap ilmu dan keinginannya yang begitu tinggi untuk menelaah dan membaca buku-buku ilmiah. Antara kelebihan lainnya lagi ialah beliau membesar dengan perasaan benci pada kezaliman dan mereka yang melakukan kezaliman, beliau tidak suka kepada Inggeris dan orang yang bersama mereka, dan tidak redha hidup dalam kebinaan. Jelas terbahir kemahuannya yang tinggi apabila beliau berjaya menghafal Al-Quran pada usia 10 tahun dengan dorongan dalamannya kerana ingin membuktikan sekalipun beliau tetap kekal di sekolah pilihannya yang ditinggalkan oleh ramai kanak-kanak sekampungnya kerana dikatakan tidak mengambil berat tentang hafazan Al-Quran, namun, beliau masih mampu menghafal Al-Quran”.

(Syed Qutb , 1940).

V. Peranan ibu bapa dalam menitikberatkan tentang ilmu

Ibu bapa Syed Qutb amat menitikberatkan tentang ilmu. Beliau telah mendapat pendidikan awal daripada kedua ibubapanya di rumah.

“Setelah mencapai umur enam tahun bapanya bercita-cita memasukkan Syed Qutb ke sekolah formal. Terdapat dua bentuk persekolahan utama di Mesir pada waktu itu, iaitu Kuttab yang mana telah menggunakan sukatan al-Azhar dan sekolah rendah yang menggunakan sukatan kerajaan. Syed Qutb telah dimasukkan ke sekolah rendah yang menggunakan sukatan Kementerian Pendidikan Mesir. Pada awal persekolahannya, berlaku kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan alam persekolahan. Namun selepas masalah tersebut berlalu, Syed Qutb semakin tekun dengan pembelajaran. Ini ditambah pula dengan peristiwa pemindahan seorang syeikh Al-Quran dari sekolahnya ke Kuttab yang menyebabkan ramai rakan-rakannya berpindah dari sekolah. Namun, Syed Qutb dengan bantuan ibunya berjaya memujuk ayahnya untuk tetap meneruskan persekolahannya di sekolah formal. Beliau telah berjaya membuktikan sekalipun berada di sekolah formal, namun beliau tetap berjaya menghafaz Al-Quran pada usia sepuluh tahun seperti mana rakan-rakannya yang menerima pendidikan di Kuttab. Beliau cenderung ke arah kesusateraan dan dalam usia kanak-kanak lagi beliau telah menyalin antologi sastera dan kitab tarikh. Beliau juga telah menghafaz secara baik al-Quran setelah mencecah usia sepuluh tahun”.

VI. Peranan ibu sebagai pendorong dan tempat rujukan utama

Dalam autobiografi beliau, Syed Qutb sering menggambarkan bahawa ibunya mendapat kepercayaan tertinggi dan sering menjadi rujukan utama setiap kali beliau menghadapi sebarang masalah.

Dalam satu peristiwa yang dikongsikan beliau dalam autobiografinya, Syed Qutb menggambarkan bahawa beliau telah melarikan diri dari sekolah lantaran takutkan guru pendidikan jasmaninya ‘*dhabit al-jimbasz*’ yang dikatakan seorang yang bengis dan garang. Apabila ayah beliau menyedari ketiadaannya di sekolah ketika ingin menghantar bekalan makanan tengahari untuknya, beliau berasa marah, namun akhirnya berubah menjadi bimbang akan keselamatan anaknya yang tidak tahu jalan pulang dari sekolah. Syed Qutb yang lari dari sekolah lantaran ketakutan ditemui oleh seorang penduduk kampung yang menghantarnya berdekatan rumahnya. Setelah selamat sampai di rumah beliau berasa malu untuk berhadapan dengan ahli keluarganya lalu menyembunyikan dirinya di stor sehingga tertidur keletihan. Ibunya akhirnya menjumpainya, memeluknya dengan penuh kasih sayang dan menenangkannya. Selepas sebulan peristiwa tersebut berlalu, seorang wakil dari sekolah datang bertemu dengannya untuk bertanya sebab ketidakhadirannya. Setelah diberitahu, –wakil dari sekolah tersebut meyakinkan bahawa masalah tersebut telah selesai, maka Syed Qutb terus memberitahu ibunya akan kesediaannya untuk kembali ke sekolah, ibunya memeluknya dengan kegembiraan dan memberitahu berita gembira tersebut pada ayahnya. (Syed Qutb,1945:10-12).

VII. Peranan ibu sebagai *role model* mendekatkan anak dengan AL-Quran

Syed Qutb menggambarkan ibunya sebagai seorang yang sangat mencintai Al-Quran, amat gemar mendengar bacaan al-Quran malah amat mudah terkesan dengan ayat-ayat yang dibacakan.

“Setiap kali engkau asyik mendengar tilawah al-Quran dari belakang tabir oleh para Qurra’ yang datang mengaji ke rumah kita di sepanjang bulan Ramadhan, seandainya aku tercuai dan ingin bermain-main seperti kanak-kanak yang lain, engkau akan mengisyaratkan kepadaku dengan tegas sehingga aku terdiam dan turut menyertaimu mendengar bacaan itu. Dari situlah jiwaku mula meneguk irama al-Quran walaupun dengan usiaku yang masih kecil, belum mampu memahami makna bacaan itu... Ketika aku membesar di dalam penjagaanmu, aku telah dihantar ke Madrasah Awwaliyyah di kampung. Harapan terbesarmu kepadaku adalah supaya Allah membukakan jalan kemudahan bagiku oleh Allah untuk aku menghafaz al-Quran dan direzekikan kepadaku suara yang lunak untuk membacanya. Sesungguhnya semenjak itu aku sentiasa membacakan al-Quran bagimu di setiap masa dan setiap ketika...

(Hasrizal, 2013)

VIII. Peranan ibu menanam impian dan harapan dalam jiwa si anak

Ini dinyatakan dengan jelas oleh Syed Qutb ketika beliau menceritakan beberapa peristiwa serta dialog yang berlangsung antara beliau dan ibunya. Peristiwa pertama yang berlaku ialah ketika ahli keluarganya ingin memutuskan awal persekolahan beliau, sama ada di sekolah rendah yang menggunakan sukatan kerajaan mahupun dihantar ke *Kuttab* (aliran persekolahan tradisional yang menggunakan sistem Al-Azhar). Ketegasan ibunya terserlah untuk tetap menghantar beliau ke sekolah harian. Beliau menggambarkan bahawa ibunya meletakkan impian yang tinggi bermula dari hari-hari (peringkat) awal persekolahannya demi melihatnya berjaya, agar berpeluang mengorak langkah ke Kaherah bersama bapa saudaranya untuk menyempurnakan pengajiannya di sana dan merealisasikan impiannya yang besar terhadap anak lelakinya itu. Di akhir autobiografinya Syed Qutb turut merakamkan dialog yang berlaku antara beliau dan ibunya ketika beliau pulang ke rumah pada suatu hari dan mendapati ibunya dalam keadaan menangis. Itulah kali pertama beliau melihat ibunya menangis sedemikian rupa, sehingga membuatkan beliau turut sama menangis melihat keadaan ibunya. Ketika itulah ibunya berterus terang akan keadaan keluarga mereka yang semakin kehilangan tanah, dan nasib masa depan yang belum tentu. Lalu ibunya membisikkan harapan agar beliaulah nanti yang bakal merubah nasib keluarga, mengambil tanggungjawab sebagai seorang lelaki yang hebat, kerana itulah ibunya begitu bersungguh-sungguh memastikan pendidikannya sedari kecil lagi (Syed Qutb,1945: 93).

Menurut Hasrizal Jamil:

“Syed adalah anak sulung lelaki beliau di samping anak-anaknya yang lain iaitu Aminah, Hamidah dan Muhammad. Wanita berjinya besar ini telah membesarkan anaknya, Syed, dengan penuh ketelitian. Pada diri anaknya Syed beliau letakkan segala harapan, lantas anaknya ini dibesarkan dengan iman, kemuliaan dan latihan pendedahan dalam memikul tanggungjawab. Malah bonda Syed Qutb mahukan anaknya ini menjadi dewasa lebih awal. Syed sentiasa ditiupkan jiwa kedewasaan sehingga beliau acapkali menjauhkan diri dari suasana kebudak-kebudakan yang mengiringi zaman kanak-kanaknya.

*Sesungguhnya bonda Syed Qutb telah menggabungkan dua unsur penting yang membina keperibadian mujabid dan mujaddid ini. Beliau limpahkan sepenuh **rasa kasih sayang** dan kemanjaan seorang ibu kepada anak, tetapi kasih sayang itu disiram dengan **keakraban al-Quran**. Kasih sayang itu bukanlah kemanjaan yang membinasakan proses pembinaan **sahsiah jati diri** anaknya kerana dalam kemanjaan itu, bonda Syed Qutb membina keyakinan diri yang tinggi ke dalam diri anaknya supaya membesar sebagai seorang yang berjinya tinggi”.*

(Jamil, 2013)

Muhammad Taufiq Barakat menyatakan:

“Beliau keluar dari alam persekolahannya sebagai seorang yang hebat dan tahu kemampuan dan potensi dirinya, dan perasaan tersebut terus subur ketika beliau berada dalam kalangan rakan-rakannya sama ada di sekolah atau di tempat lain. Di sekolah, ‘arif dan nazir memberi perhatian yang khusus padanya, begitulah beliau membesar di kampungnya dengan dua sifat positif: tahu dan menghargai potensi dirinya dan membawa harapan ibunya yang ditanam dalam jiwanya semenjak beliau lahir lagi”

IX. Peranan bapa sebagai *role model* atau suri tauladan yang disegani dan layak dicontohi

Dua sifat utama ayahnya yang dikongsikan beliau dalam penulisannya ialah sifat dermawan serta berpandangan jauh dalam mengambil sesuatu keputusan.

Mengenai sifat kedermawannya, Syed Qutb menukilkan dalam autobiografi beliau: “Mengenai kisah ghuraba’ (petani-petani yang datang dari luar untuk bekerja di ladang ayahnya). Syed Qutb menggambarkan keadaan mereka yang sangat miskin, menjadi kebiasaan ayahnya menyediakan makanan kepada pekerja-pekerjanya. Bagi tujuan itu, ayahnya akan memilih daging terbaik seperti mana yang dibeli untuk keluarganya. Seinggalah suatu hari, pekerja-pekerja tersebut datang berjumpa ayahnya dan berunding agar tidak lagi disediakan makanan untuk mereka dan bahagian tersebut digantikan dengan bayaran 5 sen. 5 sen? Bukankah ia nilai yang terlalu rendah? 5 sen tadilah yang akan turut disimpan untuk dibawa pulang kepada keluarga mereka. Seinggalah suatu hari, Syed Qutb mendapati makanan malam mereka hanyalah “mulukhiyah”, iaitu sejenis sayuran yang dimakan seperti sup dan sedikit garam tanpa daging, bawang merah, bawang putih, minyak sapi, malah tanpa lada sekalipun. Keadaan ini sangat mengejutkan Syed Qutb, lalu beliau menarik tangan ayahnya untuk menyaksikan sendiri keadaan tersebut. Setelah melihat keadaan tersebut, ayahnya terus mengatakan bahawa bermula esok hari, semua pekerja-pekerja tersebut akan terus disediakan makanan seperti biasa di dalam rumahnya di samping terus diberi tambahan 5 sen yang diminta. Ini membuatkan mereka teramat gembira dan menadah tangan penuh kesyukuran atas sifat murah hati tuan mereka” (Qutb, 1945: 87-91).

CADANGAN

Ibu bapa tidak boleh meninggalkan peranan utamanya dalam mendidik anak-anak terutamanya dalam memberi pendidikan agama semenjak kecil.

Pendidikan agama serta kecintaan terhadap Al-Quran yang ditanam semenjak kecil akan mempengaruhi peribadi seorang anak.

Ibu mempunyai peranan yang sangat besar untuk menanam harapan dan impian dalam jiwa seorang anak agar akhirnya boleh tampil sebagai seorang tokoh yang hebat apabila dewasa.

Role model atau qudwah yang baik yang ditunjukkan oleh ibu bapa akan membentuk personaliti dan keperibadian yang baik pada diri anak-anak.

KESIMPULAN

Pembentukan personaliti dan keperibadian anak-anak bermula dari kecil. Persepsi positif serta melaksanakan peranan serta tanggungjawab sebagai ibu bapa merupakan faktor penting yang

mempengaruhi personaliti dan keperibadian anak-anak. Kerana itu, ibu bapa tidak boleh memandang enteng (ringan) tanggungjawab untuk menerapkan nilai murni serta membentuk personaliti serta keperibadian yang terpuji dalam diri anak. Ia harus dimulakan semenjak anak-anak masih kecil lagi. Ini bertepatan dengan maksud sebuah hadith: “Setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci, maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi” Riwayat Bukhari.

RUJUKAN

- Azzam, A. (1891). *Abdullah Azam Yektub: 'Emlaq El- Fikryl Islamy*. Retrieved from blady2day.blogspot.com: <http://blady2day.blogspot.com>
- Barakat, M. T. (n.d.). *Syed Qutb: Khulasah hayatibi, Manhajuhu fil Harakah, An- Naqd Al- Muwajjah Ilaihi*. Beirut: Dar el- Dakwah.
- Habibah & Noran Fauziah. (2006). Psikologi Personaliti. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Izzah Nur Aida Zur Raffar, Salasiah Hanin Hamjah. (2015, December). Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam. *GJAT*, 5(2). Retrieved from www.gjat.my
- Jamil, H. A. (2013, 7 3). *Saifulislam.com*. Retrieved from hasrizal@saifulislam.com: <http://saifulislam.com/2013/07/srikandi-mujahidah-di-teratak-sayyid-qutb/>
- Qutb, S. (1945). *Tijl min el-Qaryah*. Cairo: Dar el- Shrouq.
- Syed Qutb, hayatuhu wa adabuhu. (1940). *Majalah Ar-Risalah*.
- Warren & Howard Crosby. (1922). *Elements of Human Psychology*. New York: New York etc Houghton Mifflin Co.
- Yahaya, A. (2008). Pembentukan Personaliti Remaja. Retrieved from eprints.utm.my
- Zakiah Jamaluddin, Ismail Kaprawi. (2004). Ikatan dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens. *Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia, Kedah*.